



KEMENTERIAN PERTANIAN
DAN INDUSTRI ASAS TANI MALAYSIA

**LAPORAN LIPUTAN MEDIA
RABU , 3 JANUARI 2018**

1. SARAWAK STARTS MAJOR ANTI – RABIES OPERAYION TO REMOVE STRAYS, NATION – THE STAR, 10
2. MASSIVE OP TO COMBAT RABIES, NEWS – NST, 13
3. AGROBANK SALUR BIAYA PERTANIAN RM9.5 BILION, UTUSAN BIZ – UM, 13
4. HARGA IKAN KEMBUNG MELAMBUNG DI KEDAH, WILAYAH – BH, 43
5. CSI KELULUT UMT BANTU PENGUSAHA MADU TEMPATAN – BH ONLINE
6. DIESEL, PETROL RM 6.5J DIRAMPAS, DALAM NEGERI – UM, 4
7. NEKMAT SEDIA KERJASAMA BANTERAS PENYELEWENGAN, DALAM NEGERI – UM, 4

UKKMOA

**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN & INDUSTRI ASAS TANI
(UNTUK EDARAN DALAMAN MOA, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)**

KERATAN AKHBAR	<input type="checkbox"/>	BERITA HARIAN	<input type="checkbox"/>	THE SUN	<input type="checkbox"/>	NEW STRAITS TIMES	TARIKH 03 JAN 2018
	<input type="checkbox"/>	UTUSAN MALAYSIA	<input type="checkbox"/>	UTUSAN MELAYU	<input type="checkbox"/>	THE MALAY MAIL	
	<input type="checkbox"/>	HARIAN METRO	<input type="checkbox"/>	KOSMO	<input checked="" type="checkbox"/>	THE STAR	
	<input type="checkbox"/>	SINAR HARIAN	<input type="checkbox"/>	HARAKAH	<input type="checkbox"/>	KEADILAN	
PERKARA	<input type="checkbox"/>	PERTANIAN	<input type="checkbox"/>	PENGAIRAN & SALIRAN	<input type="checkbox"/>	ALAM SEKITAR	RUANGAN : Nasion Muka Surat 10
	<input type="checkbox"/>	PERIKANAN	<input type="checkbox"/>	EKONOMI/PEMASARAN	<input type="checkbox"/>	ADUAN	
	<input type="checkbox"/>	TERNAKAN	<input type="checkbox"/>	AGRO PELANCONGAN	<input checked="" type="checkbox"/>	PELBAGAI	
	<input type="checkbox"/>	INDUSTRI ASAS TANI					

Sarawak starts major anti-rabies operation to remove strays

KUCHING: Sarawak has embarked on a major operation to remove strays and free-roaming dogs off the streets, as it intensifies efforts to combat the rabies outbreak.

Deputy Chief Minister Datuk Amar Douglas Uggah Embas said the operation, which starts today, will focus on the new buffer zone mapped by the state disaster relief committee between Kuching and Sibu.

The first five days of the mass stray removal operation will cover areas in Matang, Batu Kawah, Tabuan, BDC, Rantau Panjang, Moyan, including Singai, Bau and Serikin in the Kuching division.

Uggah said the state had to resort to drastic measures following SMK Julau No 1 in Sarikei division being declared the 27th and latest area with rabies outbreak last Friday.

The operation organised by the state Local Government Ministry with the police and Veterinary Services Department was triggered because of an increasing number of cases involving rabies-infected dogs and dog bites in Matang, Batu Kawah and Bau.

"We advise dog owners to keep their pets inside the house compound or in a proper enclosure. The authorities will not hesitate or compromise on removing dogs found wandering the streets," Uggah, who is also the Sarawak Natural Disaster Management Committee chairman, told a press conference here yesterday.

Interim centres will be set up to house the captured dogs. Unclaimed dogs could be euthanised after 48 hours. Following the newest case in Julau, Uggah said the buffer zone has been moved from Sarikei to Sibu.

To stop dogs and cats from exiting the new buffer zone, the state will mount roadblocks.

KERATAN AKHBAR	<input type="checkbox"/>	BERITA HARIAN	<input type="checkbox"/>	THE SUN	<input checked="" type="checkbox"/>	NEW STRAITS TIMES	TARIKH 03 JAN 2018
	<input type="checkbox"/>	UTUSAN MALAYSIA	<input type="checkbox"/>	UTUSAN MELAYU	<input type="checkbox"/>	THE MALAY MAIL	
	<input type="checkbox"/>	HARIAN METRO	<input type="checkbox"/>	KOSMO	<input type="checkbox"/>	THE STAR	
	<input type="checkbox"/>	SINAR HARIAN	<input type="checkbox"/>	HARAKAH	<input type="checkbox"/>	Keadilan	
PERKARA	<input type="checkbox"/>	PERTANIAN	<input type="checkbox"/>	PENGAIRAN & SALIRAN	<input type="checkbox"/>	ALAM SEKITAR	RUANGAN : News Muka Surat 13
	<input type="checkbox"/>	PERIKANAN	<input type="checkbox"/>	EKONOMI/PEMASARAN	<input type="checkbox"/>	ADUAN	
	<input type="checkbox"/>	TERNAKAN	<input type="checkbox"/>	AGRO PELANCONGAN	<input checked="" type="checkbox"/>	PELBAGAI	
	<input type="checkbox"/>	INDUSTRI ASAS TANI					

PUBLIC HEALTH

MASSIVE OP TO COMBAT RABIES

Sarawak govt to remove dogs from streets to stem spread of virus

ADIB POVERA
PETRA JAYA
adibpovera@nst.com.my

THE state government will conduct a massive operation to remove all dogs from the streets due to the alarming spread of rabies in districts affected by the virus.

Deputy Chief Minister Datuk Douglas Uggah Embas said the operation would be conducted to stop the movement of carriers of the virus from spreading to other places.

He said the state government was compelled to initiate the operation following the increase in the number of cases involving people who had been bitten by dogs in Kuching, of which figures have surpassed the number of cases in Serian, the first district to be affected by the virus.

As at Monday, 2,424 cases of people bitten by dogs have been reported in Kuching, compared with 2,233 cases in Serian, said Douglas, who is also the state Natural Disaster Management Committee chairman.

"All dogs, regardless if the animal is wearing a tag or not, roaming the streets would be captured



Sarawak Deputy Chief Minister Datuk Douglas Uggah Embas (left) at a briefing on the rabies situation at the state's Natural Disaster Management Committee's operation room in Petra Jaya yesterday. PIC BY ADIB POVERA

and placed at a temporary shelter for 48 hours to allow owners to claim their pets.

"The location of the temporary shelter would be announced by the state Veterinary Services Department soon.

"I advise pet owners to keep dogs and cats at home while we carry out the operation," he said at the committee's operations room at Wisma Bapa Malaysia here.

Present were state Veterinary Services Department acting director Dr Adrian Susin and state Health department director Dr Jamilah Hashim.

Douglas declined to elaborate

when asked if unclaimed dogs placed at the shelter would be culled.

He also announced that the state government would expand the anti-rabies buffer zone to Sibul following new cases of dogs infected by the virus reported in Julau.

The buffer zone, he said, was expanded as the new case of dogs detected with the virus was reported outside of the previous buffer zone.

"The frequency of vaccination operations in Sibul will also be increased. The state government, together with the police,

would conduct roadblocks along the Bintagor and Durin bridges to prevent the movement of dogs and cats from Sarikei into Sibul."

It was reported that SMK Julau 1 in Julau was the latest location declared as the 27th rabies-infected area in Sarawak.

Dr Adrian said the department had vaccinated 42,233 domestic animals since July last year.

"To date, our team has vaccinated 34,209 dogs, 7,979 cats and 45 other animals. The exercise is ongoing and we will increase the number of operations soon."

KERATAN AKHBAR	<input type="checkbox"/>	BERITA HARIAN	<input type="checkbox"/>	THE SUN	<input type="checkbox"/>	NEW STRAITS TIMES	TARIKH 03 JAN 2018
	<input checked="" type="checkbox"/>	UTUSAN MALAYSIA	<input type="checkbox"/>	UTUSAN MELAYU	<input type="checkbox"/>	THE MALAY MAIL	
	<input type="checkbox"/>	HARIAN METRO	<input type="checkbox"/>	KOSMO	<input type="checkbox"/>	THE STAR	
	<input type="checkbox"/>	SINAR HARIAN	<input type="checkbox"/>	HARAKAH	<input type="checkbox"/>	KEADILAN	
PERKARA	<input type="checkbox"/>	PERTANIAN	<input type="checkbox"/>	PENGAIRAN & SALIRAN	<input type="checkbox"/>	ALAM SEKITAR	RUANGAN :
	<input type="checkbox"/>	PERIKANAN	<input type="checkbox"/>	EKONOMI/PEMASARAN	<input type="checkbox"/>	ADUAN	<input type="text" value="Utusan Biz"/>
	<input type="checkbox"/>	TERNAKAN	<input type="checkbox"/>	AGRO PELANCONGAN	<input checked="" type="checkbox"/>	PELBAGAI	Muka Surat <input type="text" value="13"/>
	<input type="checkbox"/>	INDUSTRI ASAS TANI					

Agrobank salur biaya pertanian RM9.5 bilion

Oleh **MUHD. SHAHIZAM TAZALI**
ekonomi@utusan.com.my

■ KUALA LUMPUR 2 JAN.

AGROBANK telah menyalurkan pembiayaan sebanyak RM9.5 bilion pada 2017 bagi memperkasakan industri pertanian negara.

Menanggung tugas Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Agrobank, Masaat Awadz berkata, prestasi positif itu didorong oleh peningkatan pasaran serta permintaan untuk pengeluaran pertanian dan industri asas tani.

Menurut beliau, Agrobank masih kekal menerajui pembiayaan untuk sektor agromakanan dengan nilai keseluruhan sebanyak RM3.5 bilion, meningkat 12.9 peratus berbanding RM3.1 bilion pada 2016.

“Peningkatan memberangsangkan ini selaras dengan komitmen Agrobank yang sentiasa proak-

tif dalam menyediakan perkhidmatan kewangan yang relevan dan bersesuaian dengan keperluan pelanggan.

“Walaupun dalam situasi ekonomi yang tidak menentu permintaan terhadap makanan tetap ada. Oleh itu, prospek untuk pertanian dan agromakanan akan terus meningkat,” katanya dalam kenyataan di sini hari ini.

Masaat menambah, fokus Agrobank terhadap industri agromakanan negara adalah seiring dengan hasrat dan sasaran kerajaan yang termaktub dalam Dasar Agromakanan Negara 2011-2020.

Jelasnya, dasar itu memastikan bekalan makanan negara terjamin serta membantu mengembangkan perniagaan pertanian selain mahu mengurangkan kebergantungan negara terhadap makanan import.



MASAAT AWADZ

Katanya lagi, rekod positif yang ditunjukkan untuk segmen agromakanan memberikan keyakinan kepada Agrobank untuk terus memberikan fokus kepada segmen berkenaan.

“Agromakanan menyumbang RM36.5 bilion kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK). Bagi memenuhi keperluan tersebut kami memperkenalkan pusat pembiayaan khusus untuk wilayah agro yang strategik seperti Pusat Pembiayaan Korporat di Kuching, Sarawak dan Pusat Pembiayaan Komersial di Hutan Melintang, Perak.

“Pusat ini diperkenalkan di kawasan yang mempunyai impak agro yang tinggi dan khusus untuk memberi khidmat nasihat untuk pembiayaan berskala sederhana dan besar,” ujarnya.

KERATAN AKHBAR	<input checked="" type="checkbox"/>	BERITA HARIAN	<input type="checkbox"/>	THE SUN	<input type="checkbox"/>	NEW STRAITS TIMES	TARIKH 03 JAN 2018
	<input type="checkbox"/>	UTUSAN MALAYSIA	<input type="checkbox"/>	UTUSAN MELAYU	<input type="checkbox"/>	THE MALAY MAIL	
	<input type="checkbox"/>	HARIAN METRO	<input type="checkbox"/>	KOSMO	<input type="checkbox"/>	THE STAR	
	<input type="checkbox"/>	SINAR HARIAN	<input type="checkbox"/>	HARAKAH	<input type="checkbox"/>	KEADILAN	
PERKARA	<input type="checkbox"/>	PERTANIAN	<input type="checkbox"/>	PENGAIRAN & SALIRAN	<input type="checkbox"/>	ALAM SEKITAR	RUANGAN :
	<input type="checkbox"/>	PERIKANAN	<input checked="" type="checkbox"/>	EKONOMI/PEMASARAN	<input type="checkbox"/>	ADUAN	<input type="text" value="Wilayah"/>
	<input type="checkbox"/>	TERNAKAN	<input type="checkbox"/>	AGRO PELANCONGAN	<input type="checkbox"/>	PELBAGAI	Muka Surat <input type="text" value="43"/>
	<input type="checkbox"/>	INDUSTRI ASAS TANI					

Harga ikan kembung melambung di Kedah



Mohd Yusrizal (kiri) meninjau harga ikan di pelantar Kampung Seberang Kota Kuala Kedah, semalam.

[FOTO ZULIATY ZULKIFLI/BH]

Alor Setar: Harga ikan kembung di negeri ini melonjak naik sehingga mencecah RM20 sekilogram sejak sebulan lalu dipercayai disebabkan kekurangan hasil tangkapan ekoran cuaca tidak menentu.

Tinjauan *BH* semalam juga mendapati, peniaga ikan di pelantar Kampung Seberang Kota, Kuala Kedah, di sini, terpaksa menjual hasil tangkapan dalam kuantiti yang sangat sedikit.

Peniaga, Khatijah Md Shah, 43, berkata, harga ikan kembung bergantung pada saiz dan ada yang dijual pada harga RM15 atau RM16 sekilogram, bergantung pada kea-

daan cuaca dan hasil tangkapan yang diperolehi.

Harga sering berubah

Katanya, harga jualan ikan di pelantar itu sering berubah setiap hari dan jika tangkapan terlalu sedikit, ia dijual dengan harga mahal untuk menampung kos nelayan.

"Sebelum ini, harga ikan kembung hanya RM5 hingga RM6 sekilogram sebelum ia naik mendadak sehingga mencecah RM16 sekilogram.

"Selain ikan kembung, harga ikan dan hasil tangkapan lain juga meningkat," katanya.

Sementara itu, Setiausaha Per-

satuan Pengguna Kedah (CAKE), Mohd Yusrizal Yusoff, berkata harga pasaran ikan dan sayuran yang tinggi itu dijangka berterusan hingga Tahun Baharu Cina akan datang.

Permintaan meningkat

"Kita percaya kenaikan harga ini juga disebabkan permintaan bekalan itu yang meningkat, selain musim angin timur yang dijangka berlarutan hingga bulan depan.

"Peningkatan harga ikan dan sayur-sayuran ini seperti cili merah, tomato, kangkung dan sawi juga disebabkan kekurangan bekalan," katanya.

KERATAN AKHBAR	<input checked="" type="checkbox"/>	BERITA HARIAN	<input type="checkbox"/>	THE SUN	<input type="checkbox"/>	NEW STRAITS TIMES	TARIKH 03 JAN 2018
	<input type="checkbox"/>	UTUSAN MALAYSIA	<input type="checkbox"/>	UTUSAN MELAYU	<input type="checkbox"/>	THE MALAY MAIL	
	<input type="checkbox"/>	HARIAN METRO	<input type="checkbox"/>	KOSMO	<input type="checkbox"/>	THE STAR	
	<input type="checkbox"/>	SINAR HARIAN	<input type="checkbox"/>	HARAKAH	<input type="checkbox"/>	KEADILAN	
PERKARA	<input checked="" type="checkbox"/>	PERTANIAN	<input type="checkbox"/>	PENGAIRAN & SALIRAN	<input type="checkbox"/>	ALAM SEKITAR	RUANGAN : ONLINE Muka Surat <input type="checkbox"/>
	<input type="checkbox"/>	PERIKANAN	<input type="checkbox"/>	EKONOMI PEMASARAN	<input type="checkbox"/>	ADUAN	
	<input type="checkbox"/>	TERNAKAN	<input type="checkbox"/>	AGRO PELANCONGAN	<input type="checkbox"/>	PELBAGAI	
	<input type="checkbox"/>	INDUSTRI ASAS TANI					



masalah dan mengelak kerugian.

KETUA Penyelidik CSI Kelulut UMT, Prof Madya Dr Shamsul Bahri Abd Razak menunjukkan lalat solido hitam (Black Soldier Fly) pada sidang media penubuhan Kumpulan Pemantauan (CSI) Kelulut Universiti Malaysia Terengganu (UMT) di UMT Gong Badak, petang ini. - Foto Aslina Abu Bakar

CSI Kelulut UMT bantu pengusaha madu tempatan

Oleh Aslina Abu Bakar
bhkt@bh.com.my

KUALA NERUS: Pengusaha madu kelulut di negara ini kini mempunyai saluran untuk melaporkan sebarang ancaman makhluk perosak supaya bantuan segera dapat diberikan bagi mengatasi

Kumpulan Pemantauan (CSI) Kelulut Universiti Malaysia Terengganu (UMT) yang ditubuhkan April lalu sedia membantu pengusaha mengatasi masalah dihadapi bagi memelihara kelangsungan lebah kelulut.

Ketua Penyelidik CSI Kelulut UMT, Prof Madya Dr Shamsul Bahri Abd Razak, berkata laporan segera yang dibuat membantu pihaknya menjalankan kajian segera bagi mengesan ancaman biologi terhadap kelulut di Malaysia.

Beliau berkata, kumpulan berkenaan dianggotai tujuh penyelidik dalam bidang entomologi iaitu kajian serangga, selain mendapat kerjasama agensi lain termasuk Jabatan Pertanian Negeri, Universiti Malaysia Kelantan (UMK) dan Universiti Sains Malaysia (USM) Kubang Kerian, Kelantan.

"Kumpulan CSI Kelulut UMT ini adalah inisiatif daripada pengkaji serangga dan kelulut bersama agensi kerajaan termasuk beberapa agensi bukan kerajaan (NGO) bagi menangani isu ancaman makhluk perosak dengan pantas dan berkesan.

"Selepas mendapat laporan daripada pengusaha berkaitan masalah dialami, kami boleh bertindak segera dengan menjalankan siasatan awal terhadap kewujudan ancaman bagi menganalisis status semasa dan mencari penyelesaian ideal dengan lebih efektif," katanya ketika sidang media penubuhan kumpulan berkenaan di UMT Gong Badak, petang ini.

Dr Shamsul Bahri yang juga Pensyarah Pusat Pengajian Sains dan Teknologi Makanan UMT berkata, kebanyakan penternak mengalami kerugian mencecah ribuan ringgit kerana tidak tahu jalan penyelesaian sekiranya sarang kelulut mereka diserang makhluk perosak.

"Sekiranya penternak menjalankan kerjasama dan melaporkan masalah yang alami dengan segera, kami dapat membantu mereka mengesan punca ancaman melalui kaedah saintifik dan mencari penyelesaian paling mudah bagi mengawal ancaman daripada merebak ke seluruh Malaysia.

"Ia penting kerana mengikut data dikeluarkan Kementerian Pertanian pada 2016, penternak kelulut di Malaysia kerugian lebih RM2 juta kerana serangan daripada lalat solido hitam (Black Soldier Fly) dan kumbang buah (Haptoncus).

"Malah, wabak ini masih berlaku sehingga kini kerana masih ada penternak kelulut, khususnya yang masih baharu dalam industri ini tidak tahu cara penjagaan ladang kelulut bagi mengelak serangan parasit lain," katanya.

KERATAN AKHBAR	<input type="checkbox"/>	BERITA HARIAN	<input type="checkbox"/>	THE SUN	<input type="checkbox"/>	NEW STRAITS TIMES	TARIKH 03 JAN 2018
	<input checked="" type="checkbox"/>	UTUSAN MALAYSIA	<input type="checkbox"/>	UTUSAN MELAYU	<input type="checkbox"/>	THE MALAY MAIL	
	<input type="checkbox"/>	HARIAN METRO	<input type="checkbox"/>	KOSMO	<input type="checkbox"/>	THE STAR	
	<input type="checkbox"/>	SINAR HARIAN	<input type="checkbox"/>	HARAKAH	<input type="checkbox"/>	KEADILAN	
PERKARA	<input type="checkbox"/>	PERTANIAN	<input type="checkbox"/>	PENGAIRAN & SALIRAN	<input type="checkbox"/>	ALAM SEKITAR	RUANGAN : DALAM NEGERI Muka Surat 4
	<input type="checkbox"/>	PERIKAMAN	<input type="checkbox"/>	EKONOMI/PEMASARAN	<input type="checkbox"/>	ADUAN	
	<input type="checkbox"/>	TERNAKAN	<input type="checkbox"/>	AGRO PELANCONGAN	<input checked="" type="checkbox"/>	PELBAGAI	
	<input type="checkbox"/>	INDUSTRI ASAS TANI					

Cubaan seleweng dikesan dalam operasi seluruh negara tahun lalu - KPDNKK

Diesel, petrol RM6.5j dirampas

Oleh **NURFARAHIN HUSSIN**
pengarang@utusan.com.my

■ **KUALA LUMPUR 2 JAN.**

KEMENTERIAN Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK) merampas minyak diesel dan petrol bernilai RM6.5 juta yang diseleweng pihak tidak bertanggungjawab dalam operasi yang dijalankan di seluruh negara sepanjang tahun lalu.



Ketua Unit Bekalan dan Harga KP-

DNKK, Abdul Rosik Yakub berkata, daripada nilai tersebut, RM2.9 juta merupakan nilai rampasan daripada 93 kes yang dihasilkan oleh pihaknya manakala rampasan bernilai RM3.6 juta lagi melibatkan 113 kes yang diterima



daripada agensi-agensi penguatkuasaan lain.

Bagaimanapun katanya, pihaknya tidak dapat memastikan sama ada rampasan berkenaan membabitkan minyak diesel dan petrol bersubsidi.

“Kita tidak mempunyai maklumat sama ada minyak diesel dan petrol yang dirampas dalam setiapa operasi adalah bahan ber-



Peranan utama pihak KPDNKK adalah membanteras penyelewengan daripada terus berlaku.”

ABDUL ROSIK YAKUB
Ketua Unit Bekalan dan Harga KPDNKK

subsidi atau tidak melainkan siasatan lanjut dijalankan.

“Peranan utama pihak KPDNKK adalah membanteras penyelewengan daripada terus berlaku dan sekiranya siasatan menunjukkan rampasan membabitkan sumber bersubsidi, tindakan sekeras-kerasnya akan diambil kerana perkara tersebut mengakibatkan kerugian lebih

besar kepada kerajaan,” katanya ketika dihubungi di sini hari ini.

Utusan Malaysia hari ini melaporkan, kerajaan menanggung kerugian RM380 juta pada tahun lalu akibat penyelewengan subsidi bahan api yang dikhaskan untuk nelayan.

Ketirisan itu sekali gus mengakibatkan kerajaan menanggung nilai subsidi minyak diesel dan petrol untuk nelayan sebanyak RM1.1 bilion tahun lalu.

Perkara tersebut dipercayai berlaku kerana terdapat segelintir nelayan yang menjual bahan bersubsidi itu kepada nelayan asing selain pembekal serta pemborong berlesen yang menjalankan aktiviti menjual minyak bersubsidi kepada pihak industri dan negara jiran.

Kegiatan itu dipercayai bukan sahaja berlaku di semenanjung malah turut dikesan berleluasa di perairan Sabah yang didalangi pemborong berlesen yang sepatutnya mengeksport minyak tidak bersubsidi.

Nekmat sedia kerjasama banteras penyelewengan

KUALA LUMPUR 2 Jan. - Persatuan Nelayan Kebangsaan (Nekmat) sedia memberikan kerjasama penuh kepada agensi-agensi penguatkuasaan bagi membanteras aktiviti penyelewengan minyak diesel dan petrol bersubsidi yang dikhususkan kepada nelayan di negara ini.

Pengerusinya, Ahmad Rudin Hussain turut menafikan berlakunya penyelewengan subsidi kerajaan di pihak pembekal serta pemborong yang dikatakan menjual bahan bakar bersubsidi itu kepada pihak industri dan diseludup untuk dijual di sempadan.



“Pihak Nekmat dan Persatuan Nelayan Kawasan (PNK) yang bertanggungjawab membekalkan minyak bersubsidi kepada nelayan telah mematuhi segala prosedur yang ditetapkan dan risiko untuk berlakunya ketirisan hampir tiada.

“Kami tidak terlibat dalam isu penyelewengan ini dan bersedia bekerjasama dengan agensi penguat kuasa bagi mengekang perkara tersebut,” katanya dalam satu kenyataan di sini hari ini.



AHMAD RUDIN HUSSAIN

Menurut Ahmad Rudin, Nekmat bertanggungjawab memastikan minyak diesel subsidi sampai ke pusat jualan yang dikelolakan oleh PNK manakala PNK akan memastikan hanya nelayan yang layak sahaja boleh membeli minyak diesel subsidi tersebut.

“Pengantaran minyak diesel ke pusat jualan PNK dibuat dengan menggunakan lori tangki lima syarikat pembekal yang dilantik iaitu Petronas, Shell, BHP, Caltex dan Petron.

Setiap lori pula telah dipasangkan dengan tag keselamatan dan dipantau pergerakannya menerusi sistem pengesanan global (GPS).

“Bagi subsidi petrol nelayan pula, pembelian dibuat secara terus oleh nelayan di stesen minyak yang telah dilantik dan pihak Nekmat tidak membekalkan minyak petrol subsidi nelayan,” katanya.

Tambah beliau, pihaknya sentiasa memastikan minyak diesel subsidi ini sampai ke pusat jualan yang dikelolakan oleh PNK manakala PNK pula bertanggungjawab dalam memastikan hanya nelayan yang layak sahaja boleh membeli minyak diesel subsidi tersebut.